



Kandungan

| | | | |
|--|---|---|-------|
| <i>Editorial dan Info Editor</i> | 2 | <i>Invited Speaker</i> | 9 |
| <i>Suara Dekan</i> | 3 | <i>Galeri Gambar</i> | 10-11 |
| <i>Perutusan Ketua Softam</i> | 3 | <i>Penglibatan dalam Persidangan</i> | 12 |
| <i>Kolokium Penyelidikan</i> | 4 | <i>Cisco Malaysia Netriders 2014</i> | 13 |
| <i>Seminar Siswazah Softam 2014</i> | 4 | <i>Kolaborasi Bersama JMG Malaysia</i> | 14 |
| <i>Pencapaian dalam Sistem Maklumat Strategik</i> | 5 | <i>Creative Workshop Series 2014</i> | 16 |
| <i>Lawatan Prof. Michitaka Kosaka ke FTSM</i> | 6 | <i>Program Libatsama Komuniti</i> | 16 |
| <i>ATUR Postgraduate Seminar Progress</i> | 7 | <i>Infosys Programme 2014</i> | 17 |
| <i>Kerjasama Penyelidikan diantara UKM, UMS dan USIM</i> | 7 | <i>Penerbitan Berimpak Tinggi</i> | 17 |
| <i>Sangkutan dan Kolaborasi Penyelidikan</i> | 8 | <i>Sorotan Hasil Penyelidikan SOFTAN 2014</i> | 18 |
| <i>Juri Pertandingan Pengaturcaraan</i> | 8 | <i>Perisian Editor Video</i> | 19 |



Info Editor

EDITORIAL

Penaung :

Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin

Penasihat :

Prof. Madya Dr. Muriati Mukhtar

Ketua Editor :

Prof. Madya Dr. Nor Azan Mat Zin

Setiausaha :

Mastura Sahak

Sidang Editor :

Prof. Madya Dr. Jamaiah Yahaya

Dr. Elankovan Sundararajan

Dr. Dian Indrayani Jambari

Dr. Ruzzakiah Jenal

Umi Asma' Mokhtar

Fotografi & Reka Bentuk :

Mastura Sahak

Azyyati Zainal Abidin

Penerbitan & Pengeluaran :

Azyyati Zainal Abidin

Muhamad Arif Abdul Aziz

Email :

editorsoftam@gmail.com

Website :

<http://www.ftsm.ukm.my/softam>



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya buletin ini yang diberi nama FIGURA berjaya diterbitkan buat pertama kalinya.

Saya mengucapkan tahniah kepada sidang editor dan AJK yang terlibat serta setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Pusat Penyelidikan Teknologi dan Pengurusan Perisian (SOFTAM) dan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) terhadap sokongan yang diberi.

Buletin ini diterbitkan bertujuan untuk berkongsi berita pencapaian penyelidikan, perundingan / khidmat, dan pendidikan (3 P) seperti aktiviti setiap kumpulan penyelidikan, pencapaian penyelidikan pelajar yang berpotensi untuk dikembangkan, projek komuniti / industri dan teknologi terkini. Kumpulan Penyelidikan yang dimaksudkan adalah Kumpulan Penyelidikan Pengaturcaraan & Teknologi Perisian (ATUR), Kumpulan Penyelidikan Sistem Maklumat Strategik (SIS) dan Kumpulan Penyelidikan Multimedia dan Kepenggunaan (MURG).

FIGURA dijangka diterbitkan setiap tiga bulan sekali bermula Disember 2014 yang mana setiap keluaran akan meliputi berita sepanjang tiga bulan sebelumnya. Sehubungan itu, kami berharap dengan terbitnya buletin ini dapat memberi manfaat kepada semua terutama warga SOFTAM.

Akhir kata, saya mewakili sidang editor mengucapkan Selamat Tahun-baru 2015. Semogat ahun 2015 memberi lebih kejayaan dan kece-merlangan kepada semua warga SOFTAM, FTSM khususnya dan Uni-versiti Kebangsaan Malaysia umumnya.

Salam hormat.

Prof. Madya Dr. Nor Azan Mat Zin

Suara Dekan



Sekalung tahniah diucapkan kepada SOFTAM atas kejayaan menerbitkan buletin FIGURA. Saya berharap buletin ini dapat menjadi pengantara yang mampu menghubungkan ahli melalui berita dan artikel yang diterbitkan dan seterusnya mampu memotivasi ahli untuk melonjak dan menyemarakkan aktiviti SOFTAM dalam bidang Penyelidikan,

Pengajaran dan Perundingan / Khidmat (3P) sepertimana yang diharapkan. Perkongsian berita dan artikel menunjukkan bahawa para ahli giat menjalankan tugas dan tanggungjawab kearah mencapai KRA fakulti khususnya dan KRA university amnya.

Salam hormat.

Prof. Dr. Abdullah Mohd En

Perutusan Ketua Softam



Softam ialah sebuah pusat penyelidikan yang digerakkan oleh empat belas buah makmal penyelidikan. Penyelidik di Softam mempunyai pelbagai kemahiran dan mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajaran, penyelesaian dan penyelidikan.

Sejak penubuhannya ahli Softam telah berjaya memperoleh sejumlah geran penyelidikan dari dalam dan luar negara. Ahli Softam juga giat menerbit

makalah dalam jurnal atau prosiding serta menghasilkan buku dan juga bab dalam buku. Sesungguhnya setiap ahli Softam boleh berbangga dengan pencapaian Softam setakat ini.

Namun begitu, sebagai sebuah pusat penyelidikan yang ingin terus maju, ahli Softam tidak boleh berpeluk tubuh dan berpuashati dengan kejayaan yang telah dicapai. Usaha berterusan perlu dilakukan demi memastikan Softam kekal relevan dalam arus perubahan teknologi yang begitu pesat. Strategi tersusun perlu dirancang dan dilaksanakan demi menjamin masa depan Softam.

Pembangunan infrastruktur, aktiviti perkongsian ilmu dan pembangunan penyelidik adalah antara perkara yang dititik-

berat oleh pengurusan Fakulti amnya dan Softam khususnya. Untuk merealisasikan strategi yang dirancang memerlukan komitmen yang padu, keikhlasan, keterbukaan, kegigihan serta semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam kalangan ahli Softam.

Saya percaya jika semua sifat ini boleh dizahirkan dan menjadi sebahagian daripada budaya penyelidikan Softam, maka hasrat Softam untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan yang lestari yang boleh menyumbang dengan berkesan kepada masyarakat dan negara akan tercapai, insya-Allah. Justeru, marilah kita sama-sama menggembeling tenaga, pengetahuan dan kemahiran demi untuk melakar masa depan yang lebih bermakna untuk kita dan Softam.

Selamat Tahun Baru 2015 dan Selamat Maju Jaya.

Prof. Madya Dr. Mariati Mokhtar



Kolokium Penyelidikan



Kolokium ini diadakan bagi pelajar PhD berkongsi idea kajian kepada pelajar lain dan pensyarah. Setiap pembentang diberikan 20 minit untuk membentangkan kajian penyelidikan. Di akhir sesi, perkongsian pendapat dan cadangan antara peserta bagi penambahbaikan kajian. Pada tahun 2014 sebanyak 6 kolokium telah berjaya diadakan.

Senarai kolokium adalah seperti di bawah:

Kolokium Penyelidikan 2/2014 (27/2/2014)

- Zaiha Nadiyah Zainal Abidin (P69607)
- Mahdi Sahlabadi (P64620)

Kolokium Penyelidikan 3/2014 (20/3/2014)

- Reza Naghizadeh Majid (P62476)
- Rufai Kazeem Idowu (P63472)

Kolokium Penyelidikan 4/2014 (15/5/2014)

- Mohd Nizam Saad (P63463)
- Rufai Kazeem Idowu (P63472)

Kolokium Penyelidikan 5/2014 (26/6/2014)

- Mohammed Abdualgader Alwi Al-Aaidroos (P62824)
- Rabab Alayham Abbas (P46476)

Kolokium Penyelidikan 6/2014 (26/6/2014)

- Liew Tze Wei (P70515)
- Prof. Madya Dr. Maryati Mohd

SEMINAR SISWAZAH SOFTAM 2014

Pada 20 dan 21 Oktober 2014, buat pertama kalinya Softam mengadakan seminar yang memberi peluang kepada pelajar siswazah dari kumpulan-kumpulan penyelidikan membentangkan pencapaian penyelidikan mereka. Seminar ini, telah dihadiri lebih daripada 80 orang pelajar dan pensyarah, dimana 54 orang pelajar telah menghantar abstrak dan membuat pembentangan.

Setiap pembentang diperuntukan masa 20 minit untuk membentangkan perkembangan penyelidikan dan 10 minit untuk sesi soal jawab.

Beberapa orang pensyarah pula akan menilai penyelidikan pelajar ini.

Penilai berfungsi untuk melihat perkembangan penye-

lidikan, menilai status penyelidikan serta memberi panduan dan cadangan kepada pelajar untuk meneruskan penyelidikan mereka.



Walaupun, seminar ini pertama kali diadakan, tetapi

sambutan dan sokongan semua ahli serta pelajar Softam dalam menjayakan program ini sangat menggalakkan. Sehubungan itu, pihak pengurusan Softam mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua urusetia, penilai sesi, jawatankuasa buku abstrak, pengerusi 15 sesi pembentangan dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Seminar Siswazah Softam 2014.

Semoga program ini dapat diteruskan untuk tahun-tahun akan datang..



Rentetan daripada Bengkel Halatuju Softam pada tahun 2013, bengkel sehari yang dinamakan Bengkel Pemantauan Halatuju telah diadakan di Puri Pujangga pada 24 November 2014. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan tentang status dokumen halatuju kumpulan penyelidikan yang di buat pada Bengkel Halatuju 2013. Bengkel dihadiri oleh 35 peserta yang terdiri daripada 34 pensyarah dan seorang juruteknik. Antara objektif yang ingin dicapai adalah untuk menyenaraikan aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan disamping itu mengkaji pencapaian tahun 2014.

Memantau Pencapaian Kumpulan Penyelidikan



Bengkel ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Softam iaitu Prof. Madya Dr. Muriati Mukhtar. Bengkel ini diteruskan dengan per-

bincangan antara ahli kumpulan penyelidikan.

Pada sebelah petang, peserta bengkel membentangkan hasil perbincangan yang telah dibincangkan.

Bengkel ini diakhiri dengan ucapan penutup oleh Ketua Softam dengan harapan agar setiap aktiviti yang telah dirancang.

Pencapaian dalam Sistem Maklumat Strategik (SIS)

Ahli-ahli SIS telah berjaya mendapatkan geran penyelidikan di bawah geran GUP, PTS dan FRGS. Prof Zawiyah memperoleh FRGS bertajuk "Electronic Records and Information Management (e-RIM) Framework for Empowering Information Governance in Public Agencies". Sementara dua ahli SIS berjaya memperoleh geran PTS iaitu Dr Dian Indrayani Jambari bertajuk "Penggunaan Kaedah Balance Scorecard dalam meningkatkan Kemahiran Analisis Pelajar" dan Dr Kamsuriah bertajuk "Memperkasa Keberkesanan Penyelidikan Tindakan dalam Kalangan Gugusan STeM".

Untuk geran GUP pula, tiga penyelidik telah berjaya memperoleh geran iaitu:

- Prof Dr Zawiyah Mohammad Yusof (Menghakupaya Governans Informatik Bagi Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan Sektor Awam)
- Prof Madya Dr Rozilawati Razali (Rangka Kerja Interoperabiliti Sistem Kerajaan Elektronik: Kajian Kes Sistem Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Prof Madya Dr Jamaiah Yahaya (Architecture and Modelling of Environmental Quarry System Based on Integrated Data Object and Big Data Analytics).

Dalam perundingan pula empat orang ahli SIS terlibat sebagai panel auditor untuk mengaudit Pelan Pemulihan Bencana (PPB) PPUKM. Tujuannya adalah untuk melihat kesesuaian PPB yang digunakan oleh Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) sekarang berupaya memastikan kelangsungan bisnes di PPUKM sekira berlakunya bencana. Tugasan ini adalah merupakan lanjutan dari tugasan audit ke atas sistem CHets yang dilakukan pada tahun lepas (2013).

Prof. Dr. Zawiyah Mohammad Yusof telah dilantik sebagai rakan penyelidik dengan InterPARES Trust yang berpusat di University of British Columbia, Canada mulai September 2014. Beliau juga telah menerima anugerah '2000 outstanding intellectuals of the 21st Century' daripada International Biographical Centre, Cambridge, England pada March 2014. Prof Madya Dr Jamaiah Yahaya dilantik sebagai panel penilai Skim Geran Kementerian Pendidikan Research Acculturation Collaborative Effort (RACE) Fasa 3 2014/2016 di mana urusetia geran ini ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM.

Lawatan Prof. Michitaka Kosaka ke FTSM



Prof. Michitaka Kosaka dari Japan Institute of Advanced Science and Technology (JAIST) telah membuat lawatan singkat ke FTSM pada 18/11/2018.

Pertemuan ini adalah rintang daripada pertemuan di Phuket, Thailand pada Disember 2013 semasa persidangan Asian Confer-

ence on Information Systems 2013 (ACIS 2013). Dalam pertemuan kali ini Ketua Unit Penyelidikan Sains Khidmat telah membentangkan skop dan perkembangan penyelidikan sains khidmat di FTSM sementara Prof Kosaka telah membentangkan perkembangan penyelidikan sains khidmat daripada perspektif JAIST. Ternyata ada persamaan idea dan metod dalam penyelidikan sains khidmat di FTSM dengan JAIST.

Di akhir pertemuan, Prof Kosaka telah menyatakan minat beliau untuk menjemput FTSM,UKM untuk sama-sama menganjur satu sesi khas sains khidmat bagi persidangan ACIS 2015 yang akan berlangsung di Pulau Pinang.



kursus atau seminar; penyelidikan dan pembangunan muzium secara maya. Muzium maya dalam talian yang dibangunkan adalah khusus untuk negeri Terengganu bagi menyimpan semua artifak dan persekitaran setiap galeri yang dimiliki oleh Muzium Terengganu yang boleh diakses secara dalam talian.

Secara dasarnya, kerjasama ini akan meningkatkan lagi perkongsian sumber ilmu

Memorandum Perjanjian Muzium Maya

Memorandum perjanjian muzium maya dapat dimetrai antara kedua belah pihak iaitu Lembaga Muzium Negeri Terengganu



(LMNT) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 12 Ogos 2014. Kerjasama LMNT dengan

UKM yang diwakili oleh Kumpulan Penyelidikan Multimedia dan Kebolegunaan, Pusat Penyelidikan Teknologi dan Pengurusan Perisian (SOFTAM), FTSM, UKM yang memberi fokus terhadap perkongsian kepakaran; teknikal; konsultansi; penganjuran

dalam bidang warisan sejarah dan kebudayaan. Hasil kerjasama ini dapat membangun muzium maya yang dapat menyebar



maklumat tentang khazanah Muzium Terengganu ke seluruh pelusuk dunia dan dapat membantu ahli penyelidik dari luar negara bagi menjalankan penyelidikan serta dapat mendaulatkan khazanah negeri Terengganu.

ATUR Postgraduate Seminar Progress



Seminar ini telah diadakan pada 27 Mei 2014 di Bilik Mesyuarat 1, FTSM.

Ia diadakan bagi pelajar kumpulan ATUR membentangkan kemajuan penyelidikan mereka. Seramai 24 orang pelajar telah membuat pembentangan. Setiap pelajar telah diberi masa 10 minit untuk pembentangan. Seminar ini di pengurusikan oleh Prof. Dr. Zarina Shukur.

Kali kedua seminar ini diadakan pada 17 Jun 2014 di Bilik seminar Cyberscurity FTSM. Seminar ini diadakan bagi pelajar ATUR yang tidak membentangkan pada seminar yang lalu membuat pembentangan kemajuan penyelidikan mereka. Seramai 5 orang pelajar yang membuat pembentangan. Seminar ini dipengerusikan oleh Prof. Dr. Ogawa (JAIST).

Pada petang hari yang sama telah diadakan 'Talk by Prof. Dr. Ogawa: BE-PUM: Binary Emulation for Pushdown Model Generation'

Kerjasama Penyelidikan diantara UKM, UMS dan USIM



Bengkel kerjasama penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) dengan Univerisit Malaysia Sabah(UMS) dan Universiti Sains Islam Malaysia(USIM) telah berlangsung di Bilik seminar Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah pada 10-12 Oktober 2014.

Antara objektif bengkel ini adalah untuk membincangkan kerjasama penyelidikan dalam bidang pengaturcaraan pelajar pra-siswazah, kerjasama penyelidikan dalam keselamatan komputer dan rangkaian serta mengenal pasti kerjasama penyelidikan yang boleh dijalankan bersama.

Hasil daripada perbincangan tersebut ketiga-tiga Universiti telah bersetuju untuk melaksanakan beberapa aktiviti antaranya ialah pertandingan pengaturcaraan secara atas talian antara UMS, UKM dan USIM, menyediakan kertas cadangan kajian untuk permohonan geran dalaman UKM dan LRGS, dan bekerjasama dalam bidang 'wireless sensor network in agriculture' dan 'flying ad-hoc network'.



Bengkel ini telah dihadiri oleh 9 pensyarah daripada Kumpulan Penyelidikan Pengaturcaraan dan Teknologi Perisian (ATUR) iaitu Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin, Prof. Dr. Zarina Shukur, Dr. Nor Effendy Othman, Dr. Ravie Chandren Muniyandi, Pn. Marini Abu Bakar, Dr. Noorazean Mohd Ali, Pn. Rodziah Latih, P.M. Dr. Rosilah Hassan dan Dr. Rossilawati Sulaiman,

Sangkutan dan Kolaborasi Penyelidikan



Satu kolaborasi dan sangkutan penyelidikan telah dibuat oleh Prof. Madya Dr. Jamaiah Yahaya dengan School of Computer Science, Universiti of Loughborough, United Kingdom pada 19-22 Mei 2014.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah membenteng hasil penyelidikan dan mengadakan sesi percambahan idea dan pengetahuan dengan penyelidik-penyelidik di fakulti berkenaan. Antara projek penyelidikan yang mendapat perhatian penyelidik di sana adalah “Software Ageing Model” dan “Development of Meta Metric Evaluation Model Based on User Centricity Approach for Medical Application System”.

Perkara lain yang dibincangkan ialah untuk menjalankan penyelidikan bersama di masa hadapan. Antara pensyarah dan penyelidik yang terlibat dalam aktiviti ini ialah Dr Janet Harrison, Mr Ian Murray, Mrs Wendy Olphert, Dr Yusmadi Yah Jusoh dan pelajar-pelajar pasca sisdawah di Jabatan ini. Sementara itu, Dr Yusmadi dari UPM pula sedang menjalani cuti sabbatical di Universiti ini. Beliau juga merupakan juga rakan penyelidik bersama dalam projek penyelidikan SIS.

Juri Pertandingan Pengaturcaraan



Pertandingan ACM-ICPC peringkat serantau Asia telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak pada 31 Okt dan 1 Nov 2014. Pertandingan ini disertai oleh 216 pelajar serta jurulatih dari berbilang negara Asia iaitu Jepun, Korea, Taiwan, China, Hong Kong, Vietnam, Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura dan Malaysia.

UKM telah diwakili oleh pasukan **No Fear** yang terdiri daripada Zafree, Ideen dan Noorel dengan bimbingan Dr. Azean dan Dr. Rosliawati. Pertandingan ini telah dimenangi oleh

pasukan string.punctuation dari University of Tokyo dengan menyelesaikan ke semua 12 soalan dalam masa kurang daripada 5 jam. Tempat kedua dimenangi oleh pasukan `_0_1` dari National University of Taiwan manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Call It Magic dari Shanghai Jiao Tong University.

Prof Dr. Zarina dan Pn Marini juga terlibat dalam menggubal soalan serta sebagai barisan juri bagi pertandingan ini.



ACM-ICPC Asia Regional, Kuala Lumpur 2014

Invited Speaker



Dr. Ravie Chandren Muniyandi was invited as a speaker to the Asian Conference on Membrane Computing 2014 (ACMC2014) on 18-19/9/2014 at Karunya University, Tamil Nadu, India. He gave a talk on Membrane Computing and Its Applications. He has also presented two papers at the conference:

1. Accelerated P Systems with Active membranes on a graphic processing unit
2. Advocating the use of fuzzy reasoning spiking neural P Systems in intrusion detection.

Hour of Code di FTSM

Dr. Rosilawati Sulaiman telah menganggotai jawatankuasa bagi aktiviti Hour of Code telah diadakan pada 13 Disember 2014, bertempat di FTSM. Aktiviti ini diadakan sempena minggu Computer Science Education yang digerakkan oleh code.org, suatu organisasi yang tidak berasaskan keuntungan.

Aktiviti yang disambut di seluruh pelusuk dunia ini bertujuan untuk memperkenalkan bidang Sains Komputer kepada masyarakat, serta mendedahkan kepada masyarakat bahawa sesiapa pun boleh mengkod.



Seramai 103 orang peserta telah hadir, yang mana telah melebihi jangkaan. Peserta yang hadir adalah daripada warga UKM serta penduduk Bandar Baru Bangi.



Ketua Pengarah Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, iaitu Tuan Muhammad Radzi bin Abdullah telah berbesar hati untuk hadir merasmikan aktiviti ini.

Peserta rata-rata menunjukkan minat yang tinggi terhadap aktiviti ini. Aktiviti ini telah dijayakan oleh pelajar FTSM tahun 1 dan 2, daripada Kelab Pengaturcaraan (PCC).

Semoga usaha yang dilakukan ini dapat memberi manfaat kepada FTSM khususnya, dan masyarakat setempat amnya.



MAJLIS PEMAKAIAN JUBAH DAN PENGIKHTIRAFAN PENYELIA PHD, 31 OKT 2014, FTSM



Mustafa Ahmed Abdullah Aqel Al-Matary &
Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin



Yousef Ibrahim Abu Zawayda &
Prof. Dr. Zawiyah Mohammad Yusof



Saman Shishehchi &
Prof. Madya Dr. Nor Azan Mat Zin



Noor Azli Mohamed Masrop &
Prof. Madya Dr. Nor Azan Mat Zin



Siti Asma Mohammed &
Prof. Madya Dr. Maryati Mohd Yusof



Ali Abdulbaqi Ameen Ali &
Prof. Madya Dr. Kamsuriah Ahmad

SEMINAR SISWAZAH SOFTAM 2014, 20—21 OKT 2014, FTSM



BENKEL PEMANTAUAN HALATUJU, 24 NOV 2014, PURI PUJANGGA



Penglibatan dalam Persidangan



- Prof. Madya Dr. Jamaiah Yahaya, Malaysia Software Engineering Conference (mySEC 2014) di Langkawi pada 23-24 Sept 2014 (pembentang kertas kerja)
- Prof. Madya Dr. Jamaiah Yahaya, ICSSE 2014: International Conference on Software Science and Engineering, Amsterdam, The Netherlands, 15-16 May 2014 (Pembentang kertas kerja & Pengerusi)
- Prof. Madya Dr. Jamaiah Yahaya, menghadiri Bengkel Perancangan Strategik Projek RACE "Risk Decision Support Algorithm for System Development Outsource Using AHP" (Mentor) pada 11 Ogos 2014 di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Aktiviti sebagai panel penilaian projek pelajar (Kursus CSE3505 SOFTWARE TESTING) di School of Informatics & Applied Mathematics, Universiti Malaysia Terengganu pada 11 Disember 2014.

Penglibatan Sebagai Jurulatih ACM-ICPC



Dr. Rossilawati Sulaiman dan Dr. Nazatul Abd Majid, telah berjaya menjalankan program ACM-ICPC (International Collegiate Programming Contest) pada tahun ini. ACM-ICPC merupakan satu pertandingan pengaturcaraan yang paling berprestij di dunia. Ia merupakan medan di mana pelajar terbaik dari seluruh dunia bertanding untuk diiktiraf sebagai terbaik dalam

kemahiran penyelesaian masalah secara kreatif.

FTSM mula menyertai ACM-ICPC peringkat kebangsaan yang diadakan di UIA pada awal tahun 2008. Penyertaan ini memberikan pengalaman yang berguna kepada pelajar FTSM yang rata-rata berada dalam tahun satu. FTSM telah Berjaya menganjurkan pertandingan ACM-ICPC al-Khawarizmi untuk tahun 2010 dengan anjuran bersama dengan UIA. Pertandingan ini telah diadakan di Dectar UKM pada 1-2 Oktober 2010. Pada tahun 2013, UKM telah Berjaya mendapat tempat: 2nd runner up.

Pada tahun ini, FTSM tidak ketinggalan untuk menyertai ACM-ICPC peringkat kebangsaan ini. FTSM menghantar 4 pasukan untuk menyertai pertandingan peringkat kebangsaan di UTP. Pelajar-pelajar ini terdiri dari pada pelajar tahun 1, 2 dan 3 dari FTSM dan juga FST.

Satu pasukan daripada UKM telah Berjaya disenaraikan dalam Honorable mention.

Pensyarah yang terlibat dalam aktiviti ini adalah: Pn. Marini Abu Bakar (Penasihat), Prof. Dr. Zarina Shukur (Penasihat), Dr. Noorazeen Mohd. Ali (jurulatih / pensyarah pengiring), Dr. Rossilawati Sulaiman (jurulatih / pensyarah pengiring), Dr. Nazatul Aini Abd Majid (jurulatih / pensyarah pengiring).

Lawatan Ke DiGi D'House

Sekumpulan pelajar FTSM di bawah naungan Prof. Madya Dr. Rosilah Hassan telah membuat lawatan industri ke DIGI D'House pada 16 Disember 2014. Seramai 28 orang pelajar termasuk pensyarah telah menyertai program lawatan ini. Pihak jawatankuasa terdiri daripada Leong Li San, Liang Jing Jing, Farhanah, Suhana, Izyani, dan Agus telah bertanggungjawab mengelolakan lawatan yang bermula pukul 1.30 petang.



Peserta lawatan dan Prof. Madya Dr. Rosilah Hassan bergambar bersama dihadapan logo DiGi



Sesi penyerahan cendera hati oleh Prof. Madya Dr. Rosilah Hassan bagi pihak Universiti Kebangsaan Malaysia kepada pihak



Sesi penerangan oleh Cik Roshini selaku wakil dari pihak DiGi

Program dimulakan dengan pengenalan oleh Cik Roshini, selaku 'emcee' bagi pihak DiGi. Menurut Roshini pekerja-pekerja Digi tiada tempat yang khusus untuk bekerja dan boleh membuat kerja di mana-mana bahagian. Budaya kerja dan konsep santai yang diamalkan ini sangat menarik minat peserta.

Seterusnya rombongan FTSM telah dibawa melihat sendiri persekitaran DiGi D' House. Mereka kelihatan terharu melihat persekitaran yang nyaman serta mempunyai air terjun. Selain itu, peserta juga teruja melihat lukisan mural di dinding pada setiap aras. Lawatan diakhiri dengan pemberian cenderamata oleh pihak UKM kepada pihak DiGi. Program lawatan berakhir pada pukul 5.30 petang.

Cisco Malaysia Netriders 2014



Peserta Pertandingan Netriders 2014.

Dari kiri: Habibi Yusrizal (A138681), Ahmad Izatul Hisham Fauji (A142075), Dr. Nor Effendy Othman, Muhammad Zahir Mohd Zaini (A141992), Mohamed Hafizudin Mat Yusoff (A142101)

Pertandingan ini berlangsung pada 10 Mei 2014, 8.30 pagi – 4.30 petang di Tati University College (TATIUC), Jalan Panchor, Teluk Kemaman, Terengganu. Ia melibatkan penyertaan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS dari seluruh Malaysia.

Peserta adalah seramai 4 orang yang terdiri daripada pelajar prasiswazah Tahun 2 yang mengambil kursus TN3123 Pensuisan LAN dan Wireless di mana kursus ini melibatkan pembelajaran kursus Cisco Networking Academy.

Dalam pertandingan ini, peserta dikehendaki menjawab soalan-soalan berkaitan rangkaian yang melibatkan penggunaan perkakasan Cisco. Walaupun pasukan UKM tidak berjaya memenangi pertandingan ini, ia telah memberi pendedahan kepada pelajar serta dapat meningkatkan kemahiran dalam perancangan strategi dan penyelesaian masalah dalam rangkaian yang melibatkan perkakasan Cisco.

Kolaborasi Bersama JMG Malaysia



Kumpulan penyelidikan ini yang diketuai oleh Prof Madya Dr Jamaiah Yahya telah berjaya memperolehi geran di bawah geran penyelidikan

Universiti (GUP) bertajuk “Architecture and Modelling of Environmental Quarry System Based on Integrated Data Object and Big Data Analytics”.

Projek Penyelidikan Ini adalah hasil kerjasama dengan Pusat Penyelidikan Mineral, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia. Ahli-ahli penyelidik bersama dalam projek ini adalah dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu dan juga Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.



Objektif kajian ini adalah untuk membangunkan data model yang bersepatu (iaitu data bunyi, habuk dan gegaran) dalam sistem persekitaran kuari.

Pihak Jabatan Mineral dan Geosains menghadapi masalah dalam mengurus, mengawal dan meramal persekitaran kuari di Malaysia tanpa bantuan sistem komputer.

Beberapa siri bengkel, kerja lapangan dan perbincangan telah diadakan melibatkan ahli-ahli penyelidik bersama dan pelajar-pelajar pasca siswazah dan juga pelajar pra-siswazah UKM dan UMT. Tempoh geran penyelidikan ini ialah dari tahun 2014-2016.

Merapatkan jurang digital - Program Peningkatan Literasi ICT yang Lestari - Nor Azan Mat Zin



Kundang Ulu (2008-2010)

Bermula dengan Kundang Ulu yang dijadikan kampung angkat oleh UKM di bawah Projek Khidmat Masyarakat Kampung Kundang Ulu pada 17 Febuari 2007, projek literasi ICT telah dikembangkan ke Mukim Bukit Serampang dan kini meren-

tasi negara ke Timor Leste. Kelestarian bermaksud sesuatu aktiviti boleh dikekalkan pada suatu tahap atau kadar tertentu atau boleh diterus dan dipertahankan dari aspek sumber kewangan, kerelevanan, ketepatan dan kebolehubahsuaian.

Modul program literasi yang telah digubal pada tahun 2008 dikemaskini mengikut perkembangan teknologi dan keperluan



Penghargaan daripada warga Kundang Ulu

golongan sasaran, kini sedang diusahakan untuk mendapat Hakcipta. Modul ini boleh digunapakai untuk komuniti lain. Penglibatan

penyelidik FTSM termasuk lah pensyarah, guru, juruteknik dan pelajar. Komuniti yang telah mendapat manfaat terdiri daripada guru, kakitangan sokongan, pelajar serta ibu bapa warga Kundang Ulu dan Mukim Bukit Serampang. UKM telah membina projek ini melalui dua geran komuniti. Terkini, projek ini telah dikembangkan di bawah program “Sustainable

Community Engagement Project in Timor-Leste” tajaan My-Community, Bahagian Education Malaysia, KPM dengan kolaborasi bersama Univerity National Timor Leste (2014 – 2015) dan rakan NGO, Persatuan Saintis Muslim Malaysia (PERINTIS).

Mukim Bukit Serampang (2012 - 2014) : Gunakan Internet dengan SELAMAT! menangani isu sosial- Impak Internet kepada remaja.



Sekolah Tinggi ANNUR, Dili



Ceramah penggunaan Internet secara beretika untuk pelajar



Rakan kolaborasi – Pengurusan University National Timor Leste

Guru Berbangkel



Secretariat ASEAN

Ceramah kepada ibubapa “prihatin dengan aktiviti anak online”



Melebar sayap ke negara jiran- Dili, Timor Leste



Bersama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi dan Sains



Universiti National Timor Leste, Dili

CREATIVE WORKSHOP SERIES 2014

The workshop is organized by MDEC on 19 & 20 November 2014 (Wednesday & Thursday) from 9.30am to 4.30pm at the Knowledge Worker Development Centre (KDC), Tech Mahindra IT Building in Cyberjaya. Among the lecturers from FTSM who attended the workshop are Dr. Zurina Muda, Dr. Amirah Ismail, Dr. Tg. Siti Meriam Tg. Wook, Dr. Siti Fadzilah Mat Nor and AP Dr. Nor Azan Mat Zin besides 9 students selected from the Interactive Multimedia Club (IMeC)

- Workshop 1: Effective & Efficient Game Development with Unity and UE4 101
- Workshop 2: Visual Effects Core Skills using Adobe After Effects
- Workshop 3: 2D Animation using Toon Boom
- Workshop 4: Cross-Platform Apps for iOS & Android using Corona SDK

The workshop give some insightson the current tools used in multimedia industries and we have learnt new things, gain some knowledge and successfully developed a simple application such as game, animation or video at the end of the workshop.

Program Libatsama Komuniti



Prof. Madya Dr. Nor Azan Mat Zin mengetuai projek MyCommunity KPM di Timor Leste 7-11 Oktober 2014. Projek ini adalah untuk jangka masa panjang, 5 tahun (2014-2018). MyCommunity adalah geran penyelidikan libatsama komuniti di bawah Jangkauan Global Malaysia, Bahagian Education Malaysia untuk merealisasikan PSPTN 2 negara.



Ucapan Perasmian Oleh YBhg. Dato Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia

Sebagai Penasihat Konvensyen Kepimpinan Mahasiswa Malaysia-Indonesia anjuran bersama Majlis Perwakilan Pelajar UKM dan MyCommunity (6-8 Disember 2014) di UKM dan Kedutaan Besar Republik Indonesia, Kuala Lumpur




Ahli-Ahli MyCommunity, MyAlumni dan pegawai dari Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia



Mahasiswa Malaysia-Indonesia sedang bersidang di Dewan Senat UKM

Infosys Programme 2014



Ministry of Higher Education in collaboration with Multimedia Development Corporation (MDeC) and Infosys Ltd. (India) have implemented Infosys Campus Connect Programme (Malaysia) since 2008.

The program aims to enhance the employability of graduates and increase the supply of skilled ICT workers to the industry. Among the programmes that run under the initiative is the Infosys Campus Connect Foundation Programme and the Faculty Enablement Programme (FEP).

The Campus Connect Foundation programme is targeted at final year students whereas the FEP is to train the trainers. Students from FTSM, UKM have been participating in this programme since 2008. The Single

Point of Contact (SPoC) for UKM is Dr. Elankovan Sundararajan. This year's programme was conducted at the WANA Riverside Hotel, Melaka from 3 August – 4 September 2014. Hundreds of students from all over Malaysia sat for the qualifying exam vying for a place in this programme. Only the best 100 students among them were selected. This programme attracted a record number of 31

students from FTSM this year and 18 of them were offered opportunity to participate in this programme. In the individual category Hor Jin Fong won the 2nd placing and Abbas Salmi Zaini was ranked 8th among top ten best students. In the group project category, FTSM students had their role in all 3 top group winners. They are Hor Jin Fong (1st place), Soo Ming Poo (2nd place) and Yap Kok Chun (3rd place). Congratulations to all the participants.

PENERBITAN BERIMPAK TINGGI

Mueen Uddin, **Raed Alsaqour**, Asadullah Shah and Tanzila Saba, Power Usage Effectiveness Metrics to Measure Efficiency and Performance of Data Centers, *International Journal of Applied Mathematics & Information Sciences*, vol. 8, no. 5, pp. 2207-2216, 2014. (ISI, IF: 1.232, Q1).

Baraa Sharef, **Raed Alsaqour**, Mahamod Ismail, Vehicular Communication Ad Hoc Routing Protocols: A survey, *Journal of Network and Computer Applications* (Elsevier). Vol. 40, pp. 363-396, 2014, (ISI, IF: 1.772, Q1). DOI: <http://dx.doi.org/10.1016/j.jnca.2013.09.008>.

wa Maroosi, **RC Muniyandi**, 2014, Enhancement of membrane computing model implementation on GPU by introducing matrix representation for balancing occupancy and reducing inter-block communications, *Journal of Computational Science*, 2014.. (ISI, IF: 1.61, Q2)

Maroosi, **RC Muniyandi**, **E Sundararajan**, **AM Zin**, 2014, Parallel and distributed computing models on a graphics processing unit to accelerate simulation of membrane systems, *Simulation Modeling Practice and Theory*, 47, 60-78, 2014. (ISI, IF: 1.050, Q2)

RC Muniyandi, **A Mohd Zin**, 2014, Modeling framework for membrane computing in biological systems: Evaluation with a case study, *Journal of Computational Science*, 5(2), 137-143, 2014. (ISI, IF: 1.61, Q2)

A Julia, **E Sundararajan**, Z Othman, Cloud computing service composition: A systematic literature review, *Expert Systems with Applications* 41 (8), 3809-3824, 2014. (ISI, IF: 1.965, Q1)

M Shakiba, M J Singh, **E Sundararajan**, A Zavvari, MT Islam, Extending Birthday Paradox Theory to Estimate the Number of Tags in RFID Systems, *PLoS one* 9 (4), e95425, 2014. (ISI, IF: 3.534, Q1)

Tengku Siti Meriam Tengku Wook and Siti Salwah Salim, 2014, Visual Interface for Searching and Browsing Children's WebOPAC, *Universal Access in the Information Society*, Vol 13(4), pp. 367-385. Q2

Seyed Yashar Banihashem, **Nor Azan Mat Zin**, Noor Faezah Mohd Yatim & Norlinah Mohamed Ibrahim. 2014. Mouse controlling and movement for people with Parkinson's disease and involuntary tremor using Adaptive Path Smoothing technique via B-Spline. *Assistive Technology: The Official Journal of RESNA*, 26(2): 96-104. DOI: 10.1080/10400435.2013.845271. Q2, ISI/SSCI (IF: 0.51)

Sun, L., Liu, K., **Jamhari, D.**, and Michell, V. 2014. Evaluating business value of IT towards optimisation of the application portfolio. *Enterprise Information Systems*. Doi: 10.1080/17517575.2014.939106. Q1.

Sorotan Hasil Penyelidikan SOFTAM 2014

2014 terus membuktikan kecemerlangan penyelidikan SOFTAM dengan terhasilnya ramai graduan Doktor Falsafah dan Sarjana dalam pelbagai bidang pengkhususan yang difokuskan dalam SOFTAM. Hasil penyelidikan mereka bersama pakar-pakar penyelidik dari dalam dan luar Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) telah memberi sumbangan yang besar kepada bidang ilmu dan amalan industri teknologi maklumat di dalam dan luar negara. Hasil penyelidikan ini telah merentas pelbagai bidang pengkhususan teknologi maklumat termasuk dalam bidang Sistem Maklumat Strategik, bidang Multimedia dan Kepenggunaan, bidang Sains Perkhidmatan dan bidang Pengaturcaraan dan Teknologi Perisian.

Hasil penyelidikan kumpulan Sistem Maklumat Strategik telah berjaya memberi impak kepada strategi sistem maklumat di dalam organisasi sektor awam dan swasta di Malaysia dan juga luar negara. Antaranya kajian oleh Dr. Ali Abdubaqi Ameen Ali bersama penyelia Prof. Madya Dr. Kamsuriah Ahmad *Model Kualiti Sistem Maklumat Kewangan bagi Meningkatkan Strategi Pengurangan Rasuah*. Satu *Model Kejayaan dan Penerimaan Komuniti Amalan Maya dalam Sektor Kesihatan* pula telah berjaya dihasilkan oleh Dr. Haitham Mahmoud Mohammad Alali dan diselia oleh Prof. Dr. Juhana Salim. Dr. Mohammad Ali Mostafa Alafeef telah menghasilkan *Sebuah Model Penerimaan Demografi bagi Aplikasi Perbankan Mudah Alih di Jordan* diselia oleh Prof. Madya Dr. Dalbir Singh a/l Valbir Singh dan Prof. Madya Dr. Kamsuriah Ahmad. Manakala kejayaan penghasilan satu *Model Perekaayaan Proses Perniagaan bagi Teknologi Maklumat – Perusahaan Kecil dan Sederhana di Iraq* oleh Dr. Muatamed Abed Hajer, satu *Rangka Kerja Jadual Tempoh Simpanan Elektronik Rekod untuk Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia* oleh Dr. Yousef Ibrahim Abu Zawayda, dan kajian tentang *Hubungan di antara Penglibatan Pengguna dan Faktor Kualiti serta Impaknya ke atas Keberkesanan Sistem Bisnes Pintar dalam Kalangan Bank di Jordan* oleh Dr. Abdallah Saleh Ali Shatat adalah dengan penyeliaan oleh Prof. Dr. Zawiyah Muhammad Yusof dan Prof. Madya Dr. Mohd Juzaidin Ab Aziz. Penyelidikan tentang *Penilaian Amalan Pengurusan Kualiti Maklumat Bagi Sistem Maklumat Kesihatan* di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Maryati Mohd Yusof pula telah berjaya dijalankan oleh Dr. Siti Asma Binti Mohammed. Dr. Wendi Usino telah berjaya menghasilkan satu *Kerangka Kerja Perancangan Strategik Teknologi Maklumat Pada Organisasi Lateral : Kajian Kes Hospital Jiwa Di Indonesia* yang diselia oleh Prof. Dr. Aziz Deraman bersama Prof. Dr. Abd Razak Hamdan. Manakala satu *Model Repositori Pengetahuan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Melayu Di Malaysia* pula telah berjaya dihasilkan oleh Dr. Radiah Amin yang diselia oleh Dr. Noor Faezah Mohd Yatim dan Prof. Dr. Aziz Deraman.

Penyelidikan Kumpulan Multimedia dan Kepenggunaan pula telah berjaya menghasilkan inovasi dalam multimedia dan kepenggunaan seperti kajian Dr. Noor Azli Mohamed Masrop

Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital (PBPD) bagi Pendidikan Literasi Jawi Berasaskan Model Motivasi yang diselia oleh Prof. Madya Dr. Nor Azan Haji Mat Zin.


Satu *Sistem Cadangan Pembelajaran VB-Net Menggunakan Ontologi dan Petua Semantik* pula telah berjaya dihasilkan oleh Dr. Saman Shishehchi yang juga di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Nor Azan Haji Mat Zin bersama Prof. Dr. Shahrul Azman Mohd Noah. Manakala Dr. Ahmad M.S. Elaklouk telah berjaya menghasilkan satu *Rangka Kerja Permulihan Kognitif Berasaskan Permainan* yang diselia oleh Prof. Madya Dr. Nor Azan Haji Mat Zin bersama Dr. Azrulhizam Shapi'i. Hasil penyelidikan dalam Sains Perkhidmatan juga tidak ketinggalan dalam menghasilkan inovasi dalam industri perkhidmatan seperti kajian oleh Dr. Zahra Lotfi yang telah berjaya menghasilkan *Model Integrasi Rantaian Bekalan dan Kualiti Produk bagi Industri Automotif Malaysia* di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Shahnorbanun Sahran bersama Prof. Madya Dr. Muriati Mukhtar. Dr. Mohsen Mohammadi pula telah berjaya menghasilkan satu *Metodologi Berorientasikan Perkhidmatan bagi Permodelan Proses Rantai Bekalan* di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Muriati Mukhtar.

SOFTAM juga telah menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi dalam Pengaturcaraan dan Teknologi Perisian seperti hasil kajian Dr. Hazim Saleh Moustafa Alrawashdeh *MUML: Satu Alatan untuk Menggred Sintaks dan Semantik Model UML* dan diselia oleh Prof. Madya Dr. Sufian Idris bersama Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin. Dr. Maha Sayel Abdel Jabbar Dar Abdel Haq yang berjaya menghasilkan *Algoritma Pengesanan Pencebobohan Imun Kabut Tiruan ke atas MANET* di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Rosilah Hassan dan Prof. Dr. Mahamod Ismail. Satu *Rekabentuk dan Implementasi Mekanisme Storan Blok bagi Menyokong Pembangunan Perisian Berasaskan Blok* telah berjaya dihasilkan oleh Dr. Mustafa Ahmed Abdullah Aqel Al-Matary bersama penyelia Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin. Dr. Osama Ahmed Abdelhadi Khashan pula telah berjaya mengkaji *Kriptografi Telus yang Selamat dan Cekap untuk Imej Tersimpan menggunakan Sistem Fail dalam Ruang Pengguna* yang juga diselia oleh Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin. Manakala Dr. Bashar Ziad Abu Sa' pula telah berjaya mengkaji *Semantik Formal Bagi Konstruk Konsep dan Template Terkekang Dalam Pengaturcaraan Generik* yang diselia oleh Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin.

Sorotan hasil penyelidikan yang dikongsikan ini hanyalah sebahagian kecil daripada sejumlah besar hasil penyelidikan yang telah berjaya dijalankan di FTSM amnya dan SOFTAM khususnya. Kesemua hasil penyelidikan ini mempunyai potensi untuk dikembangkan dan terus menyumbang kepada bidang ilmu teknologi dan sains maklumat, dan bernilai tinggi dalam mencorakkan dunia praktis teknologi maklumat untuk kesejahteraan hidup manusia sejagat. - Dian Indrayani



PERISIAN EDITOR VIDEO - Windows Movie Maker 2012






Sama ada anda mahu trim klip anda untuk saiz tertentu, menambah musik latar atau kapsyen, memohon peralihan atau kesan khas, terdapat beberapa jenis perisian percuma yang boleh membantu dan ini adalah yang terbaik setakat ini.

Windows Movie Maker sangat mudah untuk digunakan. Hanya dengan menarik dan 'drop'kan (drag&drop) klip-klip yang berkenaan ke dalam program ini dan terus sahaja ia disusun mengikut kehendak pengguna. Peralihan dan kesan khas boleh diteruskan selepas itu.

Sangat mudah untuk menambah musik latar, kapsyen dan kredit, dan anda boleh menyimpan hasil kerja anda sebagai fail

Syarat pertama pembikinan filem : Tidak kira seberapa mahal kamera anda, atau bagaimana anda mahir menggunakannya, rakaman mentah anda sentiasa akan tetap kekal mentah dan sebagainya. Jika anda sedang mencari solusi untuk menambah kemahiran ke tahap yang lebih profesional, maka memasang editor video adalah penting. Editor video komersial boleh menjadi sangat mahal, sudah tentu, tetapi anda mungkin tidak perlu pergi sejauh itu.

video, atau memuat naik terus ke dalam YouTube, Facebook dan laman-laman web lain. Anda boleh mengendalikan lebih lagi apabila anda memerlukannya, misalnya memotong klip dan mengaplikasikan beberapa pilihan asas lain. Fokus utama program ini adalah untuk menjadikan ia sangat mudah untuk menghasilkan filem yang berkualiti. Ketahui lebih lanjut di <http://www.techradar.com/downloads/windows-movie-maker>



The Things That He Had Taught Me

*From the alphabets of the Quran
to the tenets of socialism
I learnt it all from him
I learnt that people are created equal
and that justice is not meant for the elite few*

*He taught me that life is not about wealth
but it is about helping the poor
He showed me that life is not about status
but it is about serving the people
And as he always told me
Life is about principles
and how to live by those principles*

*He might not have much
but what he had was priceless
His vision was clear
His ideals were uncompromised*

*Now that he is gone
I hope I will always remember
The things that he had taught me*

Muriati Mukhtar

